



Biodata Khulafa' ar-Rasyidin

Abu Bakar r.a.

- (a) **Tahun lahir:** tahun 572 M (2 tahun selepas kelahiran Nabi SAW)
- (b) **Gelaran:** As-Siddiq
- (c) **Sifat keperibadian:**
 - Pemurah
 - Berani
 - Dermawan
 - Lembut hati
 - Setiakawan
- (d) **Sumbangan:**
 - Berjaya memerangi golongan yang mengaku sebagai nabi palsu.
 - Membelanjakan keseluruhan hartanya untuk menegakkan syiar Islam.

Umar al-Khattab r.a.

- (a) **Tahun lahir:** tahun 584 M (13 tahun selepas kelahiran Nabi SAW)
- (b) **Gelaran:** Al-Faruq
- (c) **Sifat keperibadian:**
 - Berani
 - Cerdas
 - Perwatakan keras
 - Berpengetahuan tinggi
- (d) **Sumbangan:**
 - Membentuk majlis syura bagi melaksanakan dasar-dasar pemerintahannya.
 - Mengasaskan takwim Islam dan menyusun beberapa undang-undang pentadbiran tanah.
 - Memperkenalkan jenis-jenis cukai seperti jizyah dan kharaj.

Uthman bin Affan r.a.

- (a) **Tahun lahir:** tahun 576 M
- (b) **Gelaran:** Zunnurain
- (c) **Sifat keperibadian:**
 - Seorang yang zuhud dan dermawan
 - Berani dan bersemangat dalam menegakkan Islam
 - Tegas dan bertanggungjawab
 - Berfikiran terbuka dan kreatif
- (d) **Sumbangan:**
 - Memperkenalkan sistem protokol dalam pentadbiran.
 - Membentuk jawatan kuasa menyalin semula ayat al-Quran yang dikenali sebagai "Mushaf Uthmani".
 - Menyediakan peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Ali bin Abu Talib r.a.

- (a) **Tahun lahir:** tahun 599 M
- (b) **Gelaran:** Abu Turab
- (c) **Sifat keperibadian:**
 - Berani dan gagah
 - Berbakat bermain pedang, memanah dan menunggang kuda
 - Pandai menulis dan membaca
 - Pintar
- (d) **Sumbangan:**
 - Dasar pemerintahan dan pentadbirannya berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.
 - Berjaya membina markas ketenteraan di Parsi dan sempadan Syiria.
 - Menjadi pengerusi majlis tahkim walaupun mendapat tentangan daripada golongan Khawarij.